

Lima negeri catat prestasi ekonomi cemerlang 2021

Pertumbuhan lebih 3 peratus mengatasi KDNK peringkat nasional

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Lima negeri mencatatkan prestasi kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lebih baik berbanding pencapaian peringkat nasional pada 2021, demikian mengikut perangkaan terkini dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ekonomi negeri yang berprestasi lebih baik itu adalah Pulau Pinang, yang mengungguli prestasi KDNK 2021 dengan mencatatkan pertumbuhan 6.8 peratus, diikuti Selangor dengan (5 peratus), Terengganu (5 peratus), Perak (3.5 peratus) dan Kedah (3.2 peratus).

Pada tahun lalu, kadar pertumbuhan ekonomi negara atau pada peringkat nasional secara keseluruhannya adalah 3.1 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kerajaan mengemukakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada 15 Jun 2021 sebagai strategi peralihan untuk menangani krisis COVID-19, dengan impak pemulihan itu dapat dilihat apabila semua negeri termasuk



Sektor pembuatan pacu pertumbuhan ekonomi bagi Selangor, Pulau Pinang dan Kedah.

(Foto hiasan)

dua Wilayah Persekutuan mencatatkan prestasi positif pada 2021 berbanding kemerosotan pada 2020.

Beliau berkata, ekonomi Malaysia kembali menunjukkan pemulihan pada 2021 dengan peningkatan 3.1 peratus berbanding penyusutan 5.5 peratus tahun sebelumnya ekoran pelbagai inisiatif dan tindakan pantas diambil kerajaan dalam usaha memulihkan ekonomi.

“Sektor pembuatan mengukuh 9.5 peratus, diikuti sektor perkhidmatan, 1.9 peratus serta perlombongan dan pengkuarian 0.3 peratus.

“Sektor pertanian dan pembi-

naan masing-masing merosot 0.2 peratus dan 5.2 peratus. Selari dengan pemulihan yang ditunjukkan pada peringkat nasional, ia turut diterjemah melalui prestasi KDNK pada semua negeri yang mulai pulih daripada krisis global COVID-19 ditunjukkan melalui pertumbuhan ekonomi lebih baik pada 2021,” katanya dalam satu kenyataan.

Peneraju pertumbuhan utama bagi Selangor, Pulau Pinang dan Kedah adalah sektor pembuatan yang meningkat masing-masing 13.1 peratus, 12.4 peratus dan 6.2 peratus, disokong kepesatan dalam industri yang berteraskan eksport iaitu

produk elektrik, elektronik dan optikal.

Beralih kepada prestasi KDNK perkapita, semua 13 negeri dan dua Wilayah Persekutuan mencatatkan peningkatan dalam nilai KDNK per kapita berbanding 2020.

Tujuh negeri mencatatkan nilai KDNK per kapita melebihi paras nasional (RM47,324) iaitu Kuala Lumpur (RM124,232), Labuan (RM78,032), Pulau Pinang (RM58,527), Sarawak (RM57,635), Selangor (RM55,568), Melaka (RM47,799) dan Negeri Sembilan (RM47,452).

Mohd Uzir seterusnya merumuskan ekonomi Malaysia dijangka terus meningkat pada 2022 ekoran daripada peningkatan permintaan dalam dan luar negeri berikutan beberapa usaha pantas kerajaan mengurangkan impak krisis COVID-19.

Beliau berkata, ini seperti pembukaan semula sempadan antarabangsa, pelaksanaan pakej bantuan serta rangsangan ekonomi dan kejayaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi melandaikan lekuk pandemik.

Beliau berkata, impaknya dapat dilihat daripada pemulihan dalam nilai KDNK pada suku pertama 2022 kepada 5 peratus berbanding penguncupan 0.5 peratus suku pertama 2021.

“Pada tempoh sama, pasaran buruh lebih kukuh dengan kadar penyertaan tenaga buruh turut naik 0.4 mata peratus kepada 69.0 peratus,” katanya.